

Soalan-Soalan Lazim

Apakah akaun e-Darussalam?



JAWAPAN:

Akaun e-Darussalam adalah satu kunci pengesahan yang memberikan awda akses kepada pelbagai perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Soalan-Soalan Lazim

Mengapa saya memerlukan akaun e-Darussalam?



JAWAPAN:

Awda boleh menggunakan akaun e-Darussalam awda untuk mengakses perkhidmatan kerajaan dalam talian seperti:

- Membaharui Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan
- E-Undi PMKK
- Permohonan jawatan kosong di sektor awam (PSC Recruitment)
- Permohonan jawatan kosong di sektor swasta (Job Centre Brunei)
- Memohon, mengemaskini dan membaharui lesen perniagaan (OneBiz)
- Permohonan untuk menyertai program belia dan sukan (YsNet)
- Pendaftaran Makanan Import (FIR)
- Laporan Perniagaan

Soalan-Soalan Lazim

Siapakah yang boleh mendaftar akaun e-Darussalam?



JAWAPAN :

e-Darussalam adalah untuk sesiapa sahaja yang mempunyai Kad Pengenalan Pintar (KPP) yang dikeluarkan oleh Negara Brunei Darussalam:

- Warganegara Brunei Darussalam (KPP Kuning)
- Penduduk Tetap (KPP Ungu)
- Warganegara asing yang mempunyai pas kerja dan permit kerja yang sah (KPP Hijau)

Soalan-Soalan Lazim

Bagaimana saya mendaftar akaun
e-Darussalam?



JAWAPAN :

Layari www.gov.bn dan klik e-Darussalam untuk
mendaftar atau imbas kod QR di bawah ini:



Soalan-Soalan Lazim

Apakah yang perlu saya buat selepas mendaftar akaun e-Darussalam?



JAWAPAN :

Setelah selesai mendaftar akaun e-Darussalam, e-mel akan dihantar ke alamat e-mel yang digunakan untuk akaun e-Darussalam awda.

E-mel berkenaan mengandungi panduan dan langkah seterusnya untuk mengaktifkan akaun e-Darussalam awda.

Soalan-Soalan Lazim

Bagaimana saya mengaktifkan akaun e-Darussalam saya?



JAWAPAN :

Berikan maklumat berikut:

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. Gambar awda yang jelas dengan memegang bahagian hadapan Kad Pengenalan awda | 3. Nama Penuh |
| 2. Gambar Kad Pengenalan awda yang jelas | 4. Nombor Kad Pengenalan |
| | 5. E-mel |
| | 6. Nombor Telefon |

Hantarkan maklumat berkenaan ke salah satu e-mel berikut:

- e-darussalam@egc.gov.bn; atau
- corpcomms@egc.gov.bn; atau
- info@123.com.bn

Soalan-Soalan Lazim

Saya adalah anggota ABDB, bagaimana saya mengaktifkan akaun e-Darussalam saya?



JAWAPAN :

Sila berikan maklumat berikut kepada Ketua Kerani masing-masing untuk tujuan pengaktifan:

- Nombor Tentera / Pangkat / Nama Penuh
- Nombor Kad Pengenalan
- E-mel

Soalan-Soalan Lazim

Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya terlupa kata laluan akaun e-Darussalam saya?



JAWAPAN:

Imbas kod QR di bawah ini untuk menetapkan semula kata laluan atau awda juga boleh menghantar permohonan untuk menetapkan semula kata laluan ke salah satu e-mel berikut:

- e-darussalam@egc.gov.bn; atau
- corpcomms@egc.gov.bn; atau
- info@123.com.bn



Soalan-Soalan Lazim

Di mana saya boleh mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai perkhidmatan kerajaan?



JAWAPAN:

Layari www.gov.bn dan klik 'Government Directory' atau imbas kod QR di bawah ini:



Soalan-Soalan Lazim

Bagaimana saya boleh berkongsi maklum balas atau pertanyaan mengenai akaun e-Darussalam?



JAWAPAN:

Awda boleh menghubungi kami melalui 'Reach Us' di www.gov.bn atau awda juga boleh menghantar e-mel kepada kami ke salah satu e-mel berikut:

- e-darussalam@egc.gov.bn; atau
- corpcomms@egc.gov.bn; atau
- info@123.com.bn